

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

PADU elak ketirisan beri bantuan, subsidi



Anwar memeriksa PADU semasa pelancaran di Pusat Konsensus Antarabangsa Putrajaya (PKC) semalam. Turut hadir Ahmad Zahid dan Rafizi. (Dua BERHAMA)

PADU elak ketirisan beri bantuan, subsidi

Pangkalan data sosioekonomi gabung maklumat pelbagai jabatan, agensi kerajaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahanaz Abdul Aziz
ibnews@oh.com.my

Putrajaya: Pangkalan Data Utama (PADU) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam adalah hab data negara yang selamat dan komprehensif untuk mengukuhkan kecekapan dalam peragihan bantuan serta subsidi kerajaan.

PADU yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warga negara serta penempatan tetap di Malaysia adalah pangkalan data komprehensif negara yang berpadu mengabungkan data dari jabatan dan agensi kerajaan.

Ia akan memberikan gambaran menyeluruh mengenai kehidupan sosioekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia.

Kelompok berbilang keatas boleh merendahkan dan mengguna pakai maklumat ke dalam PADU untuk memastikan mereka yang layak mendapat manfaat tidak terlewat daripada menerima subsidi kerajaan, bantuan dan perkhidmatan sosial kebajikan lain itu.

Berikutan pada minggu pelancaran PADU, di sini semalam, Anwar berkata, sistem ini dapat mengelakkan ketirisan dalam pemberian bantuan dan subsidi serta memastikan pengalihan secara adil kepada mereka yang berhak.

"Subsidi yang diberikan kerajaan pada 2023 mencecah RM80 bilion. Dalam semua haluan, subsidi tidak sampai sepenuhnya kepada kumpulan sasaran, ia dikecualikan golongan kaya dan bukan warga negara.

"Perlu sedek terbaru dan jangan salah anwar kerana tanpa PADU terdapat banyak ketirisan, banyak kebocoran dan penipuan.

Kelua tidak, tidak ada salah siapa ada kelompok miskin dalam negara," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

Amat lebih RM6 bilion

Anwar berkata, penapisan semula subsidi elektrik memperibadikan golongan kaya yang membuli pengguna tenaga elektrik tidak lagi menikmati subsidi dan membolehkan perkhidmatan lebih RM6 bilion.

PADU diwujudkan melalui kerjasama dalam Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perangkaan Keluarga dan Perancangan Keluarga Malaysia (MAMPU), dengan kerjasama dan sokongan pelbagai Kementerian, agensi serta kerajaan tempatan.

"PADU Go-Live" bermula semalam dan ia akan dibuka selang 31 Mac 2024 kepada pengguna bagi membolehkan pengemaskinian maklumat individu.



Perdana Menteri berkata, kerjasama membangunkan PADU memastikan jentera kerajaan mampu melaksanakan perkara bobot tanpa bergantung kepada perunding antarabangsa yang akan menelan kos yang tinggi.

"PADU adalah kerjasama semua pihak. Semua kementerian menteri sumber daya dan kerjasama.

"PADU yang diketuai oleh Kementerian Ekonomi, DOSM dan MAMPU membangunkan sistem kerajaan mampu menjadi perkhidmatan terbaru dengan usha sendiri.

"Saya ucapkan terima kasih

dan terima kepada jenerasi 101," katanya.

Perdana Menteri juga meminta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali memantapkan pelaksanaan sistem PADU agar ia mencapai matlamat yang ditetapkan.

Beliau juga menggariskan jentera kerajaan agar tidak mengabaikan masyarakat minoriti, bandar, pedalaman dan desa dalam pelaksanaan PADU.

Dengan adanya PADU, kerajaan akan beraktiviti daripada memberi bantuan berdasarkan kriteria wajar.